

HARI : AHAD
TARIKH : 22/9/2019
M/SURAT : 46(AKADEMIA)

BELA PENUNTUT SUSAH

Program Food Bank Siswa tangani kos sara hidup mahasiswa di kampus

oleh Fazurawati Che Lah
fazurawati@hmetro.com.my

Food Bank Siswa Universiti Sains Malaysia (USM) memberi manfaat kepada 350 mahasiswa yang dikenal pasti golongan B40 untuk menerima bantuan daripada program berkenaan.

Inisiatif Food Bank Siswa berkongsepan Daripada Mahasiswa Kepada Mahasiswa itu ialah program di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi memastikan nasib penuntut kurang berkemampuan terbelia dengan bantuan dan sokongan bagi meneruskan pengajian;

Food Bank Siswa USM itu dilancarkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin

Nasution Ismail di Kampus Utama USM, Pulau Pinang, baru-baru ini.

Saifuddin berkata, KPDNHEP melalui Yayasan Food Bank Malaysia (YFBM) mengambil langkah membuka ruang kepada semua pihak untuk bekerjasama menjayakan program itu supaya sumbangan itu mampu memberikan sinar baharu kepada mahasiswa kurang berkemampuan meneruskan perjuangan di USM.

"Pihak kementerian mengambil perhatian menangani kos sara hidup dihadapi mahasiswa yang kian meningkat.

"Berikut itu, program Food Bank Siswa ini diadakan di setiap institut pengajian tinggi termasuk USM bagi membantu pelajar yang memerlukan,"